



The Sarawak Museum Journal

Vol. LXIV No. 85

December 2007



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Dolly Paul Carlo. (2007). Hubungan Komunikasi dan Interaksi antara Sekolah dengan Rumah: Peranan Guru dan Ibu Bapa. *The Sarawak Museum Journal*, LXIV (85): 105-132

HUBUNGAN KOMUNIKASI DAN INTERAKSI ANTARA SEKOLAH DENGAN RUMAH: PERANAN GURU DAN IBU BAPA

Dolly Paul Carlo

PENGENALAN

Komunikasi terbuka dan penglibatan bersama di antara pihak sekolah dengan ibu bapa adalah satu kemestian (Moore, 2005). Ini penting kerana komunikasi yang kurang mengakibatkan kekurangan kerjasama antara mereka (Mayra, 2002). Malahan penglibatan ibu bapa yang kurang dengan sekolah telah menyumbang kepada keciciran seseorang pelajar dari alam persekolahannya (Hale & Canter, 1998). Kesan daripada ini juga mengakibatkan kurangnya semangat dan minat seseorang pelajar untuk bersekolah (Mayra, 2002; Hale & Canter, 1998).

Peranan kerjasama guru dan ibu bapa penting untuk membantu menyesuaikan harapan pelajar dengan keadaan persekitaran sekolah (Hale & Canter, 1998). Dalam pada itu, kemesraan antara guru dan pelajar mewujudkan semangat kekitaan dan sekolah adalah milik bersama serta merapatkan hubungan guru, pelajar dan ibu bapa (Dolly, 2006). Oleh kerana ketiadaan hubungan saling mempercayai antara guru dengan pelajar, ini mengakibatkan tiada rundingan antara mereka dalam membuat keputusan untuk berhenti sekolah (Bureau of Consultancy, UKM, 2002).



HUBUNGAN KOMUNIKASI DAN INTERAKSI ANTARA SEKOLAH DENGAN RUMAH: PERANAN GURU DAN IBU BAPA

oleh

Dolly Paul Carlo

PENGENALAN

Komunikasi terbuka dan penglibatan bersama di antara pihak sekolah dengan ibu bapa adalah satu kemestian (Moore, 2005). Ini penting kerana komunikasi yang kurang mengakibatkan kekurangan kerjasama antara mereka (Mayra, 2002). Malahan penglibatan ibu bapa yang kurang dengan sekolah telah menyumbang kepada keciciran seseorang pelajar dari alam persekolahannya (Hale & Canter, 1998). Kesan daripada ini juga mengakibatkan kurangnya semangat dan minat seseorang pelajar untuk bersekolah (Mayra, 2002; Hale & Canter, 1998).

Peranan kerjasama guru dan ibu bapa penting untuk membantu menyesuaikan harapan pelajar dengan keadaan persekitaran sekolah (Hale & Canter, 1998). Dalam pada itu, kemesraan antara guru dan pelajar mewujudkan semangat kekitaan dan sekolah adalah milik bersama serta merapatkan hubungan guru, pelajar dan ibu bapa (Dolly, 2006). Oleh kerana ketiadaan hubungan saling mempercayai antara guru dengan pelajar, ini mengakibatkan tiada rundingan antara mereka dalam membuat keputusan untuk berhenti sekolah (Bureau of Consultancy, UKM, 2002).

Sokongan keluarga memberi kesan kepada pencapaian akademik dan tingkahlaku seseorang pelajar sekolah (Ekstrom *et al.*, 1986). Selain itu, sokong bantu keluarga juga memberi kesan terhadap motivasi seseorang pelajar sekolah (Hale & Canter, 1998). Bagi komuniti sekolah yang menghargai pendidikan dan

menggalakkan kerjasama, mereka akan mewujudkan program-program untuk mengekalkan penglibatan para pelajar, ibu bapa dan guru di sekolah (Hale & Canter, 1998).

Kekurangan hubungan komunikasi dan interaksi mengakibatkan permasalahan yang dihadapi oleh kedua belah pihak tidak dapat diselesaikan bersama dan seterusnya menyebabkan kedua belah pihak menyalahkan peranan dan tanggungjawab antara satu sama lain (Dolly, 2006). Ketiadaan dan kekurangan hubungan komunikasi dan interaksi antara kedua belah pihak telah mempengaruhi kurangnya rasa tanggungjawab bersama. Hubungan komunikasi dan interaksi anggota dalam komuniti sekolah khasnya di kalangan para guru, ibu bapa dan pelajar sepatutnya saling berkongsi, mengetahui, dan memahami agar permufakatan dapat dicapai bersama sebagai satu komuniti sekolah. Melalui komunikasi dan interaksi, sikap saling memahami dan mengetahui dapat memupuk semangat kekitaan terhadap sekolah dan mewujudkan perasaan sekolah adalah milik dan tanggungjawab bersama.

PERNYATAAN PERMASALAHAN

Kebimbangan timbul apabila pelbagai masalah tingkahlaku yang tidak sihat dilakukan oleh kalangan pelajar sekolah masa kini. Kejadian-kejadian seperti buli, peras ugut, menghidu gam, pengambilan pil *ecstasy*, mencuri, ponteng kelas dan ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah (Dolly, 2006) memaparkan situasi komuniti sekolah yang tidak sihat dan perlu diberikan perhatian. Tingkahlaku tersebut juga menimbulkan kecenderungan para guru dan ibu bapa mengamalkan sikap menunding jari terhadap kelemahan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Peranan dan tanggungjawab bersama untuk saling melengkapi digantikan dengan amalan menunding jari.

Hubungan komunikasi dan interaksi antara sekolah dengan rumah penting demi menjaga kepentingan bersama anggota

komuniti sekolah khususnya para pelajar/anak mereka. Kekurangan hubungan tersebut telah menimbulkan salah faham dan kurangnya rasa tanggungjawab bersama kedua belah pihak khususnya pihak sekolah dan ibu bapa ke atas kesejahteraan dan kebajikan para pelajar. Berdasarkan peri pentingnya hubungan tersebut, pengkaji ingin meninjau apakah wujud hubungan komunikasi dan interaksi antara sekolah dengan rumah dan bagaimanakah para guru dan ibu bapa menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan para pelajar/anak mereka?

Berdasarkan kepada persoalan tersebut makalah ini memaparkan hasil kajian yang berkisar mengenai peranan dan tanggungjawab dengan melihat konteks hubungan komunikasi dan interaksi antara sekolah dengan rumah dalam mengendalikan hal-hwal pelajar sekolah.

SKOP KAJIAN DAN DEMOGRAFI RESPONDEN

Hasil dapatan yang dipaparkan adalah berdasarkan data kualitatif (Padgett, 1998; Neuman, 1997; Miles & Huberman 1994) yang dikutip melalui pemerhatian dan temu bual bersemuka secara mendalam dengan beberapa responden. Pemilihan responden dilaksanakan melalui persampelan bertujuan (Miles & Huberman, 1994) yang terdiri daripada 10 orang pelajar yang tercicir dari tingkatan satu dan tingkatan dua bersama dengan setiap keluarga pelajar tersebut yang tinggal di lima buah perkampungan nelayan dan sebuah kawasan perumahan kos rendah di kawasan perindustrian di sekitar Bako; termasuk adalah guru-guru yang terbabit di sebuah sekolah menengah kebangsaan yang dikategorikan di kawasan luar bandar, Kuching, Sarawak. Ibu bapa dalam kajian ini adalah kalangan mereka yang kebanyakannya buta huruf. Kebanyakan mereka berpendidikan sekolah rendah, ada yang tidak pernah bersekolah dan kesemua daripada responden kajian merupakan pelajar yang tercicir dari dunia persekolahan pada masa lampau tetapi yang masih tidak mengenal huruf.

HASIL KAJIAN

Kewujudan Hubungan Komunikasi dan Interaksi Sekolah-Rumah

Kajian mendapati hubungan antara pihak sekolah dengan ibu bapa 'terwujud' dan 'diwujudkan' apabila kalangan pelajar terlibat dengan pelanggaran disiplin sekolah. Di antara pelanggaran disiplin yang dilakukan oleh kalangan pelajar adalah melawan kata guru, mencuri, buli, peras ugut, merokok, menghidu gam, menonton video lucu di asrama, pengambilan pil *ecstasy*, ponteng kelas, ponteng sekolah dan langsung tidak hadir di sekolah. Hubungan komunikasi dan interaksi yang ketara apabila seseorang pelajar telah mencecah jumlah ketidakhadiran yang tinggi di sekolah (termasuk ponteng kelas, sekolah dan tidak hadir langsung di sekolah). Pelbagai bentuk saluran digunakan untuk memberitahu ibu bapa mengenai ketidakhadiran anak-anak mereka di sekolah dan meminta ibu bapa untuk memaklum balas sebab anak-anak mereka tidak hadir di sekolah.

Ibu bapa diberitahu oleh pihak sekolah melalui telefon mengenai tingkablaku anak mereka di sekolah. Anak mereka dikatakan selalu ponteng kelas dan sekolah, merokok dan melawan kata-kata guru. Mereka diminta untuk datang ke sekolah untuk membuat keputusan sama ada anak tersebut terus bersekolah atau berhenti sekolah. (Kes 1)

Ibu bapa pelajar ini menerima surat Amaran Pertama dan Kedua daripada pihak sekolah. Pada masa itu, ibu bapa pelajar ini tidak berjumpa dengan pihak sekolah atau memaklumkan kepada pihak sekolah mengenai ketidakhadiran anak mereka di sekolah. (Kes 6)

"Sik(tidak) ada surat dari pihak sekolah, cumak (cuma) bulan sembilan terimak (terima) surat". Setelah menerima surat tersebut bapa atau ibunya tidak berbuat apa-apa tindakan. (Kakak Pelajar Kes 7 & 10)

"Cikgu berik (memberi) surat dan pesan dengan kawan sidaknya (mereka), nyuruh kamek (menyuruh kami) dengan bapaknya pergi sekolah". (Kes 5)